

Headline	Gedung kayu FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	21	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	345 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,881
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,643



Gedung kayu FRIM

XYLARIUM atau gedung spesimen kayu milik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) merupakan antara bukti sejarah penyelidikan perhutanan negara bermula sejak lebih 100 tahun lalu.

Antara koleksi terawal yang tersimpan di situ adalah blok-blok kayu daripada spesies keruing, balau dan chempaka hutan yang berusia antara 107 hingga 112 tahun.

Walaupun sudah menjangkau usia seabad, kesemua kepingan kayu yang dipotong menyamai saiz buku novel itu masih berada dalam keadaan baik tanpa tanda-tanda serangan kulat dan serangga.

Xylarium FRIM kini menempatkan 10,036 sampel kayu daripada 1,578 spesies. Koleksi itu merupakan jumlah spesimen terbesar di negara ini.


Melangkah masuk ke bilik penyimpanan spesimen kayu itu tidak ubah seperti berada di dalam sebuah perpustakaan. Bezanya cuma rak-rak yang biasanya diisi buku digantikan dengan kepingan-kepingan kayu.

Peluang yang diberikan itu secara tidak langsung mengubah persepsi penulis tentang betapa terperinci dan sistematik penyelidikan kayu di negara ini dijalankan.

Di dalam bilik yang diselubungi aroma kayu itu, saya memerhatikan setiap satu daripada spesimen yang dicetak nombor siri dan maklumat lengkap.

Sebahagian besar daripadanya adalah nama-nama yang asing dan tidak pernah diketahui.

Pengarah Bahagian Keluaran Hutan, Dr. Rahim Sudin berkata, xylarium FRIM yang lebih dikenali sebagai 'Koleksi Kepong' di peringkat antarabangsa berfungsi sebagai pusat rujukan



KOLEKSI kayu yang masih tersimpan dalam keadaan baik di xylarium.

bagi penyelidikan perhutanan dan kajian industri berkaitan kayu.

"Seperti juga di herbarium, semua spesimen kayu yang ada di sini direkod secara saintifik untuk memastikannya menjadi bahan rujukan yang baik.

"Setiap satu daripadanya juga mempunyai padanan maklumat dengan artifak di herbarium," katanya yang memegang jawatan itu sejak 2011.

Rahim yang memulakan kerjaya di FRIM sebagai pegawai penyelidik sejak 1981 berkata, xylarium FRIM juga menjadi sumber rujukan penting dalam kepakaran anatomi kayu yang diperlukan oleh industri.


"Di sini, kami menawarkan khidmat anatomi kayu kepada pengamal industri untuk membuat pengesahan spesies kayu pada sesuatu produk dan binaan," jelas tokoh Pekerja Lelaki Kebangsaan 2004 dan Penyelidik Terbaik FRIM itu.

Selain untuk tujuan industri, beliau berkata, kepakaran anatomi kayu juga digunakan dalam pendakwaan kes-kes pembalakan haram sebagai salah satu kaedah forensik.



RAHIM SUDIN

Headline	Gedung kayu FRIM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jan 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	21	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	345 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,881
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,643



XYLARIUM di FRIM ini menempatkan 10,036 sampel kayu daripada 1,578 spesies.